

Tangani cabaran ekonomi jadi agenda utama

m/s: 2

BH - 8/6/2019

Putrajaya: Malaysia akan menangani segala cabaran, termasuk ketegangan dasar perdagangan antara negara yang masih berlarutan, dalam usaha memastikan kejayaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2020, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, menjadi peranan bagi 21 ekonomi APEC untuk memberi sumbangan bersama yang mana manfaat dan faedah perdagangan, pelaburan serta kerjasama ekonomi mampu dinikmati rakyat.

“Apabila kita mengambil alih sebagai pengerusi (APEC) tahun depan, kita sedar dunia kini melihat defisit keyakinan dalam ekonomi. Rakyat hilang pandangan relevan atau manfaat mengenai model ekonomi global berikutan banyak ketidakseimbangan yang memberi kesan kepada kehidupan seharian.

“Ketika kali pertama menganjurkan APEC pada 1998, banyak ekonomi di rantau ini mengambil langkah mengurangkan kesan buruk krisis kewangan Asia 1997 dan usaha tertumpu kepada pemulihan kestabilan kewangan dan memperkuat pertumbuhan ekonomi.

“Bagaimanapun, masyarakat ekonomi global pada masa itu bersatu dan mengesahkan keper-

cayaan mereka terhadap globalisasi kerana ia mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi.

“Hari ini, Malaysia melancarkan APEC 2020 berhadapan latar belakang yang hampir sama apabila risiko penurunan dan ketegangan dasar perdagangan masih berterusan. Trend ini akan terus melemahkan keyakinan pelabur, menggugat kepercayaan dalam manfaat perdagangan dan pelaburan global kepada rakyat setiap hari,” katanya ketika melancarkan APEC 2020 di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, dengan potensi pasaran rantau APEC yang besar, menguasai 60 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global dan hampir 50 peratus perdagangan global, negara anggota APEC perlu berusaha melaksanakan perkara yang betul dan mencipta peluang dari pertubuhan yang kukuh ini.

“Kita mesti mengakui bahawa terdapat rasa tidak puas hati kalangan rakyat kita dalam isu asas seperti kos sara hidup, perumahan, pengangguran dan upah yang rendah. Oleh itu, menjadi peranan APEC untuk memastikan kita menyumbang dan berkongsi manfaat yang boleh dibawa oleh perdagangan kepada masyarakat keseluruhannya.

“Malaysia mendepani semua



Dr Mahathir berucap pada Majlis Pelancaran APEC 2020 di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

cabaran ini dengan visi untuk memastikan APEC 2020 berjaya yang mana faedah daripada perdagangan, pelaburan dan kerjasama ekonomi dirasa dan dinikmati oleh rakyat,” katanya.

Perdana Menteri berkata, APEC penting kepada Malaysia kerana rantau ini menyumbang lebih daripada 80 peratus kepada jumlah perdagangan negara dan lebih daripada 70 peratus melalui pelaburan langsung asing dalam sektor pembuatan.

“Kira-kira 40 peratus daripada peluang pekerjaan yang diwujudkan, secara langsung terkait dengan aktiviti eksport.

“Kami mempunyai kepentingan untuk memastikan rantau ini tetap mesra perniagaan dan dasar perdagangan serta pelaburan akan membawa kemakmuran kepada semua, sehingga kepada rakyat biasa,” katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata sebagai hos APEC 2020, Malaysia akan terus memperkasakan wanita dalam ekonomi, keterangkuman kewangan, pembabitian belia, pembangunan mampan dan mewujudkan persekitaran kondusif bagi usahawan, pemulani niaga serta perusahaan sosial.

“Malaysia memilih tema ‘Mengoptimalkan Potensi Insan ke arah Masa Depan Perkongsian Kemakmuran’ bagi APEC 2020, yang mencerminkan falsafah yang mendokong forum ini adalah ‘Perkongsian Kemakmuran’.

“Sudah tiba masanya anggota APEC menimbang menerima pakai falsafah ini dan menerapkannya ke dalam model ekonomi semasa, menambah baik kesejahteraan rakyat. Ini akan menjadikan APEC terus mampan dan relevan dalam tempoh jangka panjang,” katanya.